

**Dr Mahathir mahu pihak berkuasa teliti dalam menyiasat Geneva Gold  
Malaysian Insider  
November 26, 2012  
Oleh Nomy Nozwir**

KUALA LUMPUR, 26 Nov — Bekas perdana menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mahu pihak berkuasa, terutamanya Bank Negara Malaysia menyiasat dengan teliti berhubung siasatan bank pusat tersebut terhadap syarikat jual beli emas itu.

"Saya tak tahu apa yang salah dengan Geneva Gold, mereka mendakwa bahawa mereka tidak beroperasi seperti skim piramid.

"Perlu siasat terlebih dahulu, kerana jika transaksinya disekat, wang orang ramai tidak boleh dikeluarkan, dan emas mereka juga mereka tidak dapat.

"Ini tidak adil bagi mereka yang sudah menyertai skim ini.

"Saya rasa mereka (Geneva Gold) perlu disiasat apa kesalahan yang mereka buat dengan teliti," kata Dr Mahathir selepas merasmikan forum World Conference on Riba kali ketiga di Palace of Golden Horses hari ini.

Dr Mahathir berkata, setakat ini tidak ada undang-undang yang mengawal perdagangan emas.

"Jadi kita perlukan undang-undang yang mengawal perdagangan ini, ini penting," katanya lagi.

Pengasas Yayasan Kepimpinan Perdana itu berkata, orang ramai perlu membeli dan menyimpan emas kerana nilainya yang stabil berbanding matawang asing.

"Kita perlu simpan emas, kita perlu beli emas, kerana nilainya stabil, dan tak mudah dispekulasi seperti matawang asing," katanya lagi.

Pada Oktober lalu, Geneva Malaysia Sdn Bhd dan syarikat sekutunya diserbu oleh pihak berkuasa kerana disyaki melanggar Akta Pengubahan Wang Haram (AMLA).

Dalam satu kenyataan Bank Negara Malaysia (BNM) berkata serbuan itu dilakukannya, Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Jabatan Hal Ehwal Komersil Singapura turut melakukan operasi yang sama terhadap Geneva Pte Ltd di Singapura.

"Orang ramai dinasihati supaya berhati-hati melabur wang masing-masing bagi mengelak menjadi mangsa aktiviti haram dan melanggar undang-undang," kata BNM.

Geneva Malaysia mengendalikan pembelian dan jualan produk emas. Syarikat itu mempunyai sekutu di Singapura, China, Hong Kong dan Filipina.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-mahathir-mahu-pihak-berkuasa-telit-i-dalam-menyiasat-geneva-gold/>